

## Pelan yang membantu anda melindungi kesihatan.

Seiring dengan dunia yang pesat dengan kemajuan, kita juga sibuk berusaha untuk meningkatkan taraf kehidupan. Oleh itu, perlindungan kesihatan yang benar-benar menyakinkan adalah amat penting. Ia membolehkan anda meluangkan masa dengan keluarga, melancong dan menerokai apa yang anda sentiasa inginkan. Namun begitu, kesihatan anda sering terabai ketika menguruskan gaya hidup yang sibuk. Ultra Medic Rider direka untuk mengembalikan semula tumpuan asal kepada kesihatan. Dengan ini, anda boleh terus menjalani gaya hidup sihat tanpa merasa risau tentang perlindungan perubatan.

Cabaran yang sering kita alami pada masa kini adalah peningkatan kos perubatan dari tahun ke tahun dan juga kebimbangan terhadap bil perubatan yang mungkin membebaskan fikiran anda apabila tiba masanya untuk mendapatkan penjagaan kesihatan berkualiti yang amat diperlukan.

*“Di Malaysia, kenaikan kos perubatan dianggarkan sekitar 15% setiap tahun. Ini bermakna, satu pembedahan apendisitis yang ringkas dengan kos RM1,800 pada tiga tahun yang lalu akan meningkat lebih kurang RM3,000 pada hari ini.”*

*“Kadar kenaikan dalam bil-bil perubatan adalah melebihi kadar inflasi umum setiap tahun. Ini menimbulkan tanda tanya, sama ada penjagaan kesihatan adalah hanya untuk mereka yang berkemampuan sahaja”*

- The Star, 14 Mac 2009



### Pelan untuk kesihatan anda

Ultra Medic Rider memberikan anda ketenangan bila tiba masanya untuk mendapatkan penjagaan kesihatan yang diinginkan. Ia merupakan pelan perubatan premier takaful hospital dan pembedahan yang menyediakan perlindungan perubatan komprehensif sehingga RM1,500,000 sepanjang hayat dan terdiri daripada 5 pelan berbeza untuk disesuaikan dengan bajet dan keperluan anda.

### Manfaat utama

Dengan Ultra Medic Rider, anda akan menikmati manfaat-manfaat utama yang unik seperti berikut:

#### Pendapat Perubatan Kedua\*

Kami memahami bahawa apabila anda sedang berusaha untuk mendapat rawatan disebabkan oleh sesuatu penyakit, pendapat perubatan kedua adalah amat berharga di samping memberikan anda ketenangan fikiran. Keistimewaan manfaat Pendapat Perubatan Kedua ialah laporan perubatan anda boleh dihantar ke mana-mana institusi perubatan terkenal di dunia yang disyorkan, khusus bagi diagnosis anda. Dengan cara ini, anda menerima pendapat daripada pakar-pakar perubatan yang terkemuka di dunia untuk dibandingkan dengan diagnosis anda yang sedia ada.

Setelah menyerahkan fail-fail perubatan anda kepada pusat perubatan pilihan, anda dan pakar perubatan anda akan menerima satu salinan pendapat perubatan kedua yang lengkap. Bersama-sama dengan pakar perubatan, anda kemudiannya boleh menentukan rawatan yang terbaik untuk memulihkan penyakit anda.

#### Rawatan Perubatan Alternatif\*

Anda boleh mendapatkan rawatan perubatan alternatif selepas dibenarkan keluar dari hospital, seperti Kiropraktor, Kiropodi, Homeopati, Osteopati atau Akupunktur daripada pengamal yang mempunyai lesen di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.



### Bonus Tanpa Tuntutan

Oleh kerana anda menjaga kesihatan dengan baik, kami berikan anda 5% daripada sumbangan rider, dengan syarat tiada tuntutan dibuat pada tahun sebelumnya, bermula dari tahun ketiga (ke-3) sijil dan tahun berikutnya.

### Tiada *Ko-Takaful*

Semasa anda beransur pulih setelah menjalani rawatan, anda tidak perlu bimbang lagi. Di Etiqa, kami membayar untuk rawatan anda mengikut pelan yang telah disertai secara penuh supaya anda boleh fokus terhadap pemulihan dan bukannya bimbang tentang pelunasan bil-bil perubatan.

### Kad Kemasukan Hospital Tanpa Tunai

Ultra Medic Rider disertakan dengan satu kad kemasukan hospital tanpa tunai yang memberikan anda akses kepada manfaat dalam pelan ini. Ia bukan sahaja hanya satu kemudahan untuk menggunakan kad semua-dalam-satu, malah ia juga memastikan proses daftar masuk dan keluar di hospital panel kami berjalan dengan baik, tanpa tunai dan tiada masalah.



\* Sila rujuk pada Jadual Manfaat untuk pelan-pelan yang layak bagi manfaat-manfaat ini.

### Nota Penting

Sijil ini mungkin melayakkan Peserta untuk mendapat pengecualian cukai peribadi yang bergantung kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Anda perlu memahami pelan ini dengan sepenuhnya untuk memastikan keperluan anda dapat dipenuhi dengan sebaiknya dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil ini adalah berdasarkan kemampuan anda.

Rider ini boleh disertai bersama mana-mana Rider Pengecualian Sumbangan. Sekiranya tuntutan dibuat di bawah Rider Pengecualian Sumbangan, sumbangan bagi sijil asas dan mana-mana rider lain yang disertai akan dikecualikan, kecuali Ultra Medic Rider yang akan ditamatkan.

Apabila sijil ditamatkan, matang atau tamat tempoh, semua manfaat di bawah sijil ini akan luput.

Anda boleh menilai kesesuaian sijil ini dan boleh membatalkan penyertaan anda dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran sijil, yang melayakkan anda menerima pembayaran balik sumbangan penuh yang telah dibuat, selepas ditolak sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan kesihatan (jika berkenaan).

Sila pastikan bahawa anda merujuk kepada Ilustrasi Jualan yang berkaitan dengan sijil yang disediakan kepada anda oleh Etiqa Takaful Berhad.

Risalah ini bertujuan untuk rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak.

Etiqa Takaful Berhad didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

EIB/AL/ASPIRE/062021/ENG/1850

Etiqa Online 1300 13 8888  
www.etiqa.com.my

 www.facebook.com/etiqa

Ditaja jamin oleh:



**Etiqa Takaful Berhad** (266243D)  
(Didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 dan Dikawal oleh Bank Negara Malaysia)  
Level 19, Tower C, Dataran Maybank  
No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, Malaysia  
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

Ahli Kumpulan  **Maybank**

TAKAFUL

## Ultra Medic Rider

Lindungi kesihatan anda.

Mulakannya hari ini dengan pelan perubatan kami.





## Jadual Manfaat

Jenis Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5
Had Perlindungan					
Had Sepanjang Hayat Keseluruhan	RM200,000	RM400,000	RM600,000	RM800,000	RM1,500,000
Had Tahunan Keseluruhan	RM50,000	RM100,000	RM150,000	RM200,000	RM300,000
Manfaat Pesakit Dalam Hospital					
Bilik & Penginapan Hospital	RM100	RM200	RM300	RM400	RM500
Penginapan Maksimum	120 hari		180 hari		
Unit Rawatan Rapi (Maks. 30 Hari)					
Yuran Pembedahan, Yuran Bius, Bilik Bedah dan Perkhidmatan & Bekalan Hospital	Mengikut Caj				
Manfaat Penjagaan Harian Kanak-kanak yang Dilindungi	Tiada	RM150 (sehingga 120 hari)	RM150 (sehingga 180 hari)		
Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan	RM50 (sehingga 120 hari)	RM100 (sehingga 120 hari)	RM200 (sehingga 180 hari)		
Yuran Laporan Perubatan (setiap ketidakupayaan)	RM100				
Cukai Perkhidmatan Kerajaan ke atas Caj Bilik & Penginapan Hospital	Mengikut Caj				
Manfaat Pesakit Luar					
Ujian Diagnosis/Khidmat Runding Pakar Pra-Hospital	Mengikut Caj (dalam 60 hari sebelumnya)		Mengikut Caj (dalam 90 hari sebelumnya)		
Rawatan selepas dibenarkan keluar dari Hospital	Mengikut Caj (90 hari selepas dibenarkan keluar dari hospital)				
Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar* (dalam 90 hari selepas dibenarkan keluar dari hospital / pembedahan)	RM1,000		RM2,000		
Rawatan Kemalangan untuk Pesakit Luar	RM1,000		RM2,000	Mengikut Caj	
Rawatan Pergigian Kecemasan dan Kemalangan					
Yuran Ambulans	Mengikut Caj				
Penjagaan Di Rumah – setiap hari terhad sehingga 60 hari	RM40	RM60	RM100	RM150	RM200
Pembedahan Harian	Mengikut Caj				
Rawatan Penyakit Kecemasan Pesakit Luar (setiap ketidakupayaan)	RM100				
Kanser, Dialisis dan Pemindahan					
Rawatan Dialisis Buah Pinggang					
Rawatan Barah Pesakit Luar	Mengikut Caj				
Pemindahan Organ					
Perlindungan Tambahan					
Pendapat Perubatan Kedua (dari hospital yang terkemuka di dunia untuk mana-mana keadaan yang serius)	Tiada		Ya		
Perubatan Alternatif - Kiropraktor, Kiroprodi, Homeopati, Osteopati, Akupunktur	Tiada	RM150 (90 hari selepas dibenarkan keluar dari hospital)	RM300 (90 hari selepas dibenarkan keluar dari hospital)		
Bonus Tanpa Tuntutan	5% daripada sumbangan rider pada setiap tahun bebas tuntutan bermula dari tahun ketiga (ke-3) sijil dan tahun berikutnya				

Jumlah manfaat yang dibayar dalam satu tahun sijil adalah tertakluk pada Had Tahunan Keseluruhan. Jumlah manfaat yang dibayar semasa sepanjang hayat Orang Dilindungi adalah tertakluk pada Had Sepanjang Hayat Keseluruhan.

## Pilihan *Co-Payment*

Jika anda memilih untuk menaik taraf bilik dan penginapan hospital ke tahap yang lebih tinggi daripada pelan perlindungan anda, ciri-ciri *co-payment* akan berkuat kuasa. Dalam situasi begitu, 20% daripada mana-mana caj dari senarai manfaat yang layak di bawah pelan anda seperti yang dinyatakan dalam bil hospital dan perbezaan caj bilik yang dinaik taraf akan ditanggung oleh anda.

### Kadar Sumbangan Tahunan

Pilih dari lima pelan yang boleh didapati dalam rider yang bersesuaian dengan keperluan anda:

### Jadual Sumbangan untuk Lelaki

Kumpulan Umur (Hari lahir akan datang)	Pelan				
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5
1 - 5	573	853	1,151	1,429	1,716
6 - 20	433	641	870	1,075	1,289
21 - 30	456	677	921	1,143	1,369
31 - 35	496	738	998	1,238	1,485
36 - 40	561	835	1,130	1,402	1,684
41 - 45	659	982	1,328	1,651	1,983
46 - 50	804	1,199	1,616	2,012	2,418
51 - 55	1,048	1,565	2,106	2,625	3,157
56 - 60	1,553	2,323	3,111	3,877	4,669
61 - 65	2,294	3,433	4,592	5,728	6,902
66 - 70*	3,419	5,121	6,842	8,543	10,294
71 - 75*	5,186	7,773	10,377	12,960	15,623
76 - 80*	7,870	11,798	15,745	19,673	23,717
81 - 85*	11,950	17,918	23,905	29,871	36,014
86 - 88*	18,146	27,212	36,297	45,362	54,695

Kadar sumbangan di atas akan dicajkan mengikut umur anda semasa pembaharuan dan mungkin berbeza-beza mengikut umur, jantina, pekerjaan, keadaan kesihatan anda dan pelan yang dipilih. Fi Pentadbir Pihak Ketiga sebanyak RM15 adalah termasuk dalam kadar sumbangan.

Kadar sumbangan tahunan diatas adalah untuk pelan hayat asas sahaja. Kadar sumbangan adalah tidak dijamin dan tertakluk pada pindaan. Kami mungkin meminda kadar sumbangan dengan memberi notis secara bertulis dalam masa 30 hari terlebih dahulu kepada pemilik sijil.

\* Boleh diperbaharui sehingga umur 88 tahun atau pada akhir tempoh perlindungan pelan asas, yang mana lebih awal.

### Kelayakan

Umur minimum penyertaan	30 hari
Umur maksimum penyertaan**	65 tahun
Umur maksimum layak dilindungi**	88 tahun

\*\*Umur Pada Hari Lahir Akan Datang

### Asas Kontrak

Pelan ini adalah berasaskan konsep Tabarru', di mana Peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sejumlah amaun kepada Dana Risiko Peserta (DRP) – Dana Tabarru' untuk tujuan saling membantu dan menghulurkan bantuan kepada peserta yang memerlukannya.

Pelan ini juga adalah mengikut konsep Wakalah, di mana Peserta melantik Etiqa Takaful Berhad untuk mewakili mereka bagi melabur dan menguruskan DRP. Fi Wakalah adalah ditanggung oleh Peserta melalui potongan daripada sumbangan. Fi sebenar untuk pelan ini adalah ditetapkan pada kadar 25% daripada sumbangan selepas ditolak fi Pentadbir Pihak Ketiga.

Lebihan dalam DRP adalah dibahagikan antara Anda (50%) dan Etiqa (50%) sebagai satu fi Prestasi.

### Pengecualian

Tiada manfaat akan dibayar jika dimasukkan ke hospital, operasi atau caj disebabkan secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) antara berikut:

1) Penyakit Sedia Ada.

2) Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan.

3) Sebarang keadaan fizikal mahupun perubatan yang muncul dalam tempoh tiga puluh (30) hari perlindungan Orang Dilindungi kecuali kecederaan yang tidak disengajakan.

4) Pembedahan plastik/kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembedahan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomi Radial) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsi berkaitan keadaan yang disebutkan di sini.

5) Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Sijil.

6) Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV (Sindrom Kurang Daya Tahan Manusia) dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.

7) Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.

8) Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan. Disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impotensi pensterilan.

9) Rawatan di hospital terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.

10) Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan melainkan dibuktikan tidak waras.

11) Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau keganasan, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan atau penderhakaan tentera.

12) Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.

13) Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Orang Dilindungi dan kos pemerolehan orang termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.

14) Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain.

15) Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau yang ia dibayar oleh mana-mana Polisi Insurans/Sijil Keluarga lain atau tanggung rugi yang melindungi Orang Dilindungi dan hilang upaya yang berpunca daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans/Sijil Takaful Pampasan Pekerja.

16) Kos bagi mana-mana rawatan berkaitan dengan gangguan psikotik, mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).

17) Kos/Belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat telex, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.

18) Penyakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan.

19) Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.

20) Belanja yang ditanggung untuk menukar jantina.

21) Vitamin, Makanan Tambahan, Penawar Herba dan Agen-agen Anti Kegemukan / Pengurangan Berat Badan, termasuk mana-mana ubat yang dibeli dari kaunter.

22) Mana-mana pengkhatanan, kecuali mengikut secara perubatan.

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk pada Kontrak Sijil untuk senarai lengkap bagi pengecualian di bawah sijil ini.